PENANDAAN PADA KERTAS UNDI



ELAKKAN MENULIS DENGAN PERKATAAN ATAU NOMBOR ATAU MELUKIS DI ATAS KERTAS UNDI KERANA IA BOLEH MEMBUATKAN KERTAS UNDI ANDA DITOLAK



KAEDAH SEMAKAN DAFTAR PEMILIH

LAMAN WEB
https://mysprsemak.spr.gov.my

APLIKASI
MySPR Semak

***HOTLINE* SEMAKAN**
03-8892 7218

Sumber
Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia

R.009 (B.M) OGOS 2024 (030.)

TERBITAN
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI

Jabatan Penerangan Malaysia
Jabatan Penerangan Malaysia
Jabatan Penerangan Malaysia
JapenTV
@JPenerangan
japenmalaysia
www.penerangan.gov.my
dbook.penerangan.gov.my
webmaster@inform.gov.my

PERKARA 119 FASAL (1)
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Setiap warganegara berhak mengundi dalam pilihan raya umum jika dia:

- **a** Telah mencapai umur 18 tahun pada tarikh kelayakan;
- **b** Bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan yang sedemikian atau, jika tidak bermastautin sedemikian, ialah seorang pengundi tidak hadir; dan
- **c** Didaftarkan, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya, dalam daftar pemilih sebagai pemilih dalam bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan.

DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA
SEMASA MENGUNDI

1 **Kad Pengenalan**
atau

3 **Lesen Memandu**
atau

2 **Pasport**
atau

4 **Dokumen Pengenalan Sementara (JPN. KPPK09)**
atau



5 **Resit Laporan Kehilangan Kad Pengenalan (JPN. KPPK11)**
(Disahkan oleh JPN)

10 LANGKAH PENGUNDIAN

1 Sila masuk apabila dibenarkan oleh anggota polis yang mengawal selia pintu masuk.

2 Serahkan MyKad/Dokumen Pengenalan Diri dan Slip Semakan (sekiranya ada) kepada Kerani Pengundian Pertama. **Tunjukkan kedua-dua belah tangan untuk diperiksa.**

3 Kerani Pengundian Pertama akan memberikan MyKad/ Dokumen Pengenalan Diri pengundi kepada Kerani Pengundian Kedua untuk pengesahan.

Pastikan nombor Kad Pengenalan dan nama anda yang diteriakkan oleh Kerani Pengundian Pertama adalah tepat.

4 Bergerak ke hadapan Kerani Pengundian Kedua.

Celupkan jari telunjuk tangan kiri ke dalam botol Dakwat Pilihan Raya apabila diminta oleh Kerani Pengundian Kedua.

5 Terima kertas undi daripada Kerani Pengundian Ketiga.

6 Bergerak ke meja Ketua Tempat Mengundi (KTM) untuk meninggalkan telefon bimbit.

7 Maju ke petak undi dan tandakan **X** pada ruang kosong yang bersebelahan dengan nama dan simbol calon dalam Kertas Undi dengan menggunakan pen.

Pilih satu calon sahaja.

CARA MENANDA X YANG DITERIMA

8 Masukkan kertas Undi dalam Peti Undi yang betul.

9 Bergerak ke meja KTM sekali lagi untuk mengambil telefon bimbit.



10 Segera tinggalkan tempat mengundi setelah selesai mengundi.